



BRUNEI FERTILIZER
INDUSTRIES

Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

KOD TATAKELAKUAN



Kandungan

01	Ucapan Alu-Aluan Daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif	15	Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML)
02	Tujuan		Sekatan Ekonomi
03	Tanggungjawab Kita	16	Hadiah dan Hospitaliti
04	Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar ("HSSE")	17	Amalan Terbaik Dalam Berurusan Dengan Pegawai Kerajaan
06	Dadah dan Alkohol		Penipuan
07	Melindungi Aset Syarikat	18	Kad Kredit Korporat
08	Harta Intelek dan Hak Cipta	19	Komitment Pemtuhan Anti-Amanah
09	Kerahasiaan dan Penggunaan Maklumat Rasmi		Persaingan Adil
10	Penggunaan Media Sosial	20	Berurusan Dengan Rakan Niaga
11	Perlindungan Data dan Privasi	21	Konflik Kepentingan
12	Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa		Perkhidmatan Komuniti
	Peluang Sama Rata dan Pencegahan Diskriminasi	22	Pendedahan Awam
			Kod Pakaian
13	Gangguan Seksual dan Buli	23	Bersuara Untuk Melaporkan
	Pekerjaan Luar	24	Pengurusan Akibat dan Tindakan Perundangan
14	Membenteras Rasuah	25	Nota

Ucapan Alu-Aluan Daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada semua warga BFI,

Memandangkan BFI memiliki tenaga kerja yang terdiri daripada profesional mewakili perbagai latar belakang negara dan budaya, dan telah mengeksport produk kepada lebih daripada 17 negara, adalah tidak dapat dielakkan bahawa kita mungkin berhadapan dengan cabaran dari segi etika apabila berinteraksi dengan pelbagai budaya dan amalan perniagaan. Melalui Kod Tatakelakuan ini ("Kod"), diharap akan dapat memperjelas serta memberikan panduan dalam melaksanakan tanggungjawab dan juga menjalankan urusan pekerjaan seharian.

Peraturan dan prinsip yang digariskan dalam Kod ini adalah jelas. Ini membolehkan kita bertindak secara konsisten dalam semua situasi. Kejayaan hanya benar-benar bermakna apabila ia dicapai dengan cara yang betul dan beretika.

Kod ini merupakan asas bagi kita untuk melaksanakan perubahan berlandaskan nilai-nilai ke Bruneian. Ia merangkumi elemen-elemen penting yang menyokong lesen operasi kita. Aspirasi kita adalah tinggi, dan kita hanya akan mencapainya melalui kolaborasi dan kerjasama erat antara wargakerja, komuniti setempat, serta masyarakat umum, termasuk semua Rakan perniagaan sama ada di dalam dan luar negara.

Selain itu, kita tidak boleh memandang ringan aspek keselamatan. Segala insiden, kejadian hampir-hampir kemalangan, serta sebarang tindakan tidak selamat hendaklah dilaporkan segera agar langkah-langkah pembaikan dapat diambil dan pembelajaran perlu dikongsi bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang pada masa akan datang.

Setiap warga kerja BFI mempunyai hak dan tanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran Kod. Laporan tanpa nama bagi kes pelanggaran Kod yang disyaki dilakukan adalah dialu-alukan, dan anda akan diberikan perlindungan sewajarnya. BFI juga menyediakan saluran bimbingan bagi membantu anda dalam membuat laporan. Semua aduan akan disiasat dan ditangani dengan penuh kerahsiaan. Kod ini dikuatkuasakan ke atas saya, Lembaga Pengarah, pihak pengurusan, serta seluruh warga BFI, setiap hari, tanpa mengira lokasi operasi kita. Ia merupakan piawaian mandatori yang mesti dipatuhi dalam setiap aspek etika dan keselamatan yang menjadi teras operasi kita. Sila hayati kandungan Kod ini dan fahami peranannya dalam melaksanakan tanggungjawab anda.

Kami menghargai komitmen berterusan anda dalam memupuk budaya berdisiplin dan berintegriti di BFI.



YB Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew Bin Abdullah
Pengerusi



Dr. Harri Kiiski
Ketua Pegawai Eksekutif



Tujuan

Tatakelakuan (“CoC” atau “Kod”) ini menetapkan piawaian tingkah laku yang wajib dipatuhi oleh semua kakitangan, pembekal dan pelanggan BFI, selaras dengan dasar dan nilai teras syarikat.



Tanggungjawab Kita

Kod ini wajib dipatuhi oleh semua kakitangan BFI termasuk Lembaga Pengarah, kakitangan sementara BFI serta semua pembekal, pelanggan dan kontraktor ("**Rakan Perniagaan**"). Kod ini mengandungi prinsip-prinsip integriti dalam urusan perniagaan serta profesionalisme dalam berinteraksi dengan semua pihak.

Setiap individu hendaklah memberikan contoh terbaik melalui tingkah laku selaras dengan Kod dengan mewujudkan persekitaran kerja yang berdisiplin dan sentiasa proaktif dalam mencegah sebarang pelanggaran Kod. Kerjasama yang kukuh dari semua pihak adalah penting dalam menjunjung standard profesionalisme dan etika kerja bagi memastikan segala tingkah laku adalah diterima dari segi sosial dan moral.

Kod ini menerangkan prinsip dan polisi utama berkaitan isu etika, mengenal pasti risiko potensi yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan tugas, serta memberikan panduan jelas tentang tindakan dan tingkah laku profesional yang wajib dipatuhi. Segala pertanyaan atau keraguan mengenai Kod hendaklah dirujuk kepada penyelia yang bertanggungjawab atau Bahagian Perundangan BFI. Perlu difahami bahawa ketidakpatuhan akan mengakibatkan tindakan disiplin yang mana boleh membawa kepada penamatan perkhidmatan.

BFI komited untuk melindungi kesihatan dan keselamatan semua individu yang terlibat dalam operasi BFI dan Masyarakat setempat. Di samping itu, BFI juga komited untuk memupuk budaya pengamalan HSSE yang mantap.

Dalam menjalankan perniagaan secara mampan, kami memberi perhatian sepenuhnya terhadap alam sekitar; di samping itu, kami secara berterusan melaksanakan pengurusan risiko secara menyeluruh untuk memperkukuh pertumbuhan perniagaan yang mampan dan mempertahankan keselamatan individu, kemudahan dan aset kami.

Warga kerja dan Rakan Perniagaan BFI diwajibkan untuk mematuhi peraturan dan garis panduan dasar Kesihatan,

Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar ("HSSE") BFI demi menjamin tempat kerja yang selamat dan sihat, dengan mengutamakan keselamatan diri dan rakan sekerja, serta tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan mereka. Peraturan dan dasar HSSE ini adalah berlandaskan Perintah Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, 2009. Mana-mana isu ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap dasar atau 12 peraturan yang menyelamatkan nyawa akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya (sama ada kepada pekerja BFI atau Rakan Perniagaan BFI).

Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar ("HSSE")



12

Peraturan Keselamatan



1. Personal protective equipment

Wear required Personal protective equipment.



2. Permit to Work

Work with a valid work permit when required



3. Changes or modification

Obtain authorisation before implementing modifications to any equipment, processes or installations.



4. Open work surfaces

Barricade area and put up signages when the opening of any grounds are created.



5. Working at height

Protect yourself against a fall when working at height.



6. Contact with moving vehicles

Keep yourself and others away from moving vehicles/ line of fire.



7. Falling objects

Keep away from suspended loads, control lifting operations and danger zones.



8. Confined space entry

Ensure safe conditions before entering a confined space.



9. Disabling safety systems

Obtain authorisation before overriding or disabling safety critical equipment.



10. Energy isolation

Verify isolation and zero energy when working on energised systems.



11. Release of dangerous substances

Provide proper containment for potential release of material(s).



12. Drugs and alcohol

No drugs and alcohol



BFI komited untuk melindungi kesihatan dan keselamatan semua individu yang terlibat dalam operasi BFI dan Masyarakat setempat. Di samping itu, BFI juga komited untuk memupuk budaya pengamalan HSSE yang mantap.

Dalam menjalankan perniagaan secara mampan, kami memberi perhatian sepenuhnya terhadap alam sekitar; di samping itu, kami secara berterusan melaksanakan pengurusan risiko secara menyeluruh untuk memperkukuh pertumbuhan perniagaan yang mampan dan mempertahankan keselamatan individu, kemudahan dan aset kami.

Warga kerja dan Rakan Perniagaan BFI diwajibkan untuk mematuhi peraturan dan garis panduan dasar Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar ("HSSE") BFI demi menjamin tempat kerja yang selamat dan sihat, dengan mengutamakan keselamatan diri dan rakan sekerja, serta tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan mereka. Peraturan dan dasar HSSE ini adalah berlandaskan Perintah Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, 2009. Mana-mana isu ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap dasar atau 12 peraturan yang menyelamatkan nyawa akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya (sama ada kepada pekerja BFI atau Rakan Perniagaan BFI).



Bagi Pekerja BFI, sila maklumkan kepada Bahagian HSSE BFI mengenai sebarang keraguan jika anda mengesyaki atau mengetahui apa-apa pelanggaran terhadap perkara yang telah disebutkan di atas. Bagi Rakan Kongsi Perniagaan, anda boleh melaporkan keraguan anda kepada Bahagian HSSE BFI dan/atau menghubungi talian bantuan Biro Kawalan Narkotik di +673 8777444.

Dadah dan Alkohol

BFI bertanggungjawab untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada pengaruh alkohol dan dadah. Sehubungan itu, BFI menguatkuasakan dasar sifar toleransi terhadap penyalahgunaan alkohol, dadah, atau bahan lain berdasarkan Bab 27, Akta Penyalahgunaan Dadah, 2013. Penyalahgunaan bahan dalam apa jua bentuk boleh menjejaskan keupayaan bekerja, dan menyebabkan risiko kepada kesihatan, keselamatan, dan produktiviti individu dan/atau rakan sekerja.

Justeru, BFI secara tegas melarang aktiviti-aktiviti berikut dijalankan di tempat:

Pengambilan minuman beralkohol; dan

Penggunaan, pemilikan, penjualan, pengangkutan, atau pengedaran dadah

atau bahan terkawal secara haram menurut Bab 27 Akta Penyalahgunaan Dadah, 2013.

BFI berhak melakukan ujian rambang bagi penggunaan alkohol atau bahan kimia terhadap pekerja dan kakitangan kontraktornya serta menjalankan pemeriksaan atau penggeledahan yang sah di mana-mana lokasi kerja BFI, sekiranya terdapat aduan atau alasan munasabah untuk mengesyaki sebarang pelanggaran disiplin. Kegagalan mematuhi perkara di atas akan mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk pemberhentian pekerja dan arahan untuk menarik balik perkhidmatan kakitangan kontraktor.

Melindungi Aset Syarikat

Melindungi aset BFI adalah sangat penting demi kestabilan operasi syarikat. Aset-aset ini memainkan peranan signifikan untuk memastikan perniagaan BFI berjalan lancar, secara dalaman dan luaran. Oleh itu, pengurusan dan pemeliharaannya perlu dilaksanakan dengan sewajarnya.

Setiap pekerja diharapkan menggunakan aset syarikat dengan cara yang mengikut undang-undang, beretika, dan efisien. Penggunaan aset syarikat untuk tujuan peribadi atau di luar kepentingan perniagaan BFI adalah dilarang sama sekali. Setiap individu hendaklah menjaga aset syarikat sebaik mungkin, seolah-olah ia adalah kepunyaan sendiri.

Setiap pekerja adalah dikehendaki mematuhi Polisi IT dan Polisi HSSE yang

berkaitan. Sebarang pelanggaran terhadap polisi-polisi ini akan mengakibatkan tindakan disiplin yang sewajarnya.

Etika Penggunaan Aset BFI :

- Elakkan merosakkan aset akibat emosi yang tidak terkawal. Fikirkan tentang akibat dan kesulitan yang mungkin ditanggung oleh orang lain dan diri anda sendiri.
- Pastikan anda membaca, memahami, dan mematuhi Manual Operasi Standard (MOS), papan tanda, dan poster yang berkaitan .
- Sila laporkan sebarang kerosakan kepada penyelia bagi mengelakkan kerosakkan yang teruk.
- Jangan anggap semua aset sebagai peralatan “heavy duty”.



Harta Intelekt dan Hak Cipta

Harta intelek (IP) BFI merupakan salah satu aset terpenting bagi sebuah syarikat. Harta intelek BFI melibatkan pelbagai jenis aset, termasuk nama domain, hak cipta, hak reka bentuk, pengetahuan, rahsia perdagangan, serta maklumat sulit, paten, dan tanda niaga yang relevan dengan operasi dan perniagaan syarikat. Oleh itu, adalah penting untuk semua mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi IP BFI. Semua individu dijangka mematuhi polisi IT BFI, yang mungkin diperkenalkan atau dikemas kini dari masa ke semasa.

Pihak ketiga juga mempunyai hak IP, dan mana-mana pekerja tidak dibenarkan menggunakan IP pihak ketiga secara tidak sah. Sekiranya anda perlu menggunakan sebarang perisian atau lesen pihak ketiga, anda disarankan mendapatkan kebenaran daripada pemegang lesen BFI. Jika anda tidak pasti bagaimana mengendalikan atau mendapatkan kebenaran untuk menggunakan IP BFI atau pihak ketiga, sila hubungi Bahagian IT atau Bahagian Perundangan BFI.



Kerahsiaan dan Penggunaan Maklumat Rasmi

Semasa anda berkhidmat di BFI (termasuk selepas tamat perkhidmatan) atau mempunyai hubungan perniagaan dengan BFI, anda mungkin akan diberikan akses kepada maklumat sensitif. Sebarang pendedahan maklumat tersebut akan dianggap sebagai pelanggaran prinsip kerahsiaan. Bagi mengelak pihak yang tidak berhak mengakses maklumat BFI:

Anda tidak boleh membincangkan sebarang perkara sensitif atau sulit kecuali dengan individu yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahuinya..

Beri perhatian bukan sahaja kepada apa yang anda katakan, tetapi juga di mana anda mengatakannya.

Ambil langkah berjaga-jaga ketika menghantar atau meneruskan e-mel.

Pastikan perjanjian kerahsiaan yang sewajarnya telah dilaksanakan sebelum anda berkongsi sebarang maklumat.

Adalah menjadi tanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit yang diamanahkan kepada kita oleh Rakan Perniagaan. Anda dilarang menggunakan maklumat BFI untuk keuntungan peribadi atau tujuan lain yang tidak dibenarkan. Sebarang pelanggaran terhadap tanggungjawab kerahsiaan ini akan dianggap sebagai kesalahan berat kecuali dinyatakan sebaliknya atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Sebarang pendedahan yang tidak dibenarkan boleh menyebabkan tindakan disiplin termasuk penamatan kontrak pekerjaan. Pendedahan maklumat tanpa kebenaran boleh mengakibatkan tindakan disiplin yang serius, termasuk pemberhentian perkhidmatan. Jika anda tidak pasti sama ada maklumat boleh dikongsi atau tidak, sila rujuk Bahagian Perundangan BFI untuk mendapatkan panduan lanjut.

Setiap kakitangan BFI, termasuk Rakan Perniagaan, bertanggungjawab untuk mematuhi garis panduan tertentu berkaitan maklumat, data, rekod, audio, video, dan visual yang dihantar serta dikongsi di platform media sosial.

Apabila menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi, kakitangan tidak dibenarkan mendedahkan maklumat sulit BFI atau berkomunikasi dengan cara yang boleh mencemarkan imej BFI atau kakitangannya.

Sila patuhi panduan berikut:



Penggunaan Media Sosial

Perlindungan Data dan Privasi



Kita semua bertanggungjawab untuk menghormati hak privasi setiap individu dalam penggunaan atau pengumpulan data mereka..

Prinsip-prinsip umum perlindungan data yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- Data peribadi hendaklah diproses secara sah, adil dan telus
- Pengumpulan data peribadi hanya dibenarkan bagi tujuan yang jelas, khusus dan sah, serta penggunaannya hendaklah selaras dengan tujuan tersebut.
- Data peribadi yang dikumpul hendaklah relevan, mencukupi, dan

terhad kepada perkara yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan.

- Data peribadi tidak boleh disimpan melebihi tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan pemprosesan.
- Semua data peribadi hendaklah dirahsiakan dan disimpan dengan selamat.

Sekiranya berlaku sebarang insiden pelanggaran data, perkara tersebut hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Bahagian Teknologi Maklumat (IT) atau Pegawai Perlindungan Data melalui emel di **dpo@bfi.com**. Setiap laporan akan disiasat dan tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil (jika perlu).

Apakah Yang Dimaksudkan dengan Data Peribadi?

Data peribadi merujuk kepada sebarang maklumat, sama ada benar atau tidak, yang berkaitan dengan seseorang individu yang boleh dikenal pasti, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada maklumat tersebut. Contohnya termasuk nombor kad pengenalan dan butiran hubungan pembeli.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Dasar dan Prosedur Perlindungan Data Peribadi Syarikat, yang menetapkan rangka kerja dan garis panduan berkaitan kaedah pemprosesan serta perlindungan data peribadi dalam Syarikat.

Perhatian:

Data peribadi hanya boleh digunakan bagi tujuan sah yang telah dinyatakan dan tidak boleh dikumpul atau diproses kecuali sekiranya benar-benar diperlukan.

Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa

BFI menyokong dan menghormati hak asasi manusia serta hak buruh yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, seperti yang termaktub dalam Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai prinsip dan hak asasi di tempat kerja dimana BFI tidak membenarkan kanak-kanak dibawah umur 16 tahun untuk diambil bekerja dalam operasinya.

BFI secara tegas menolak penggunaan buruh paksa, dan tidak akan bertolak ansur dengan keadaan atau layanan kerja yang melanggar undang-undang antarabangsa. Syarikat BFI mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap perhambaan buruh moden dan penyeludupan manusia.

Peluang Sama Rata dan Pencegahan Diskriminasi

BFI komited untuk memastikan peluang yang sama rata untuk semua kakitangan dalam organisasi dengan memberikan peluang yang lebih baik untuk perkembangan kerjaya melalui penggalakan dan penerimaan idea serta pengalaman yang pelbagai daripada kakitangan yang datang dari pelbagai negara. BFI juga berhasrat untuk membentuk tenaga kerja yang seimbang, sambil menghargai individu yang berbakat dan melayan semua dengan penuh hormat. Setiap pekerja adalah dinilai secara adil berdasarkan kelayakan, merit, prestasi, serta faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pekerjaan.

BFI dasar sifar toleransi terhadap sebarang bentuk diskriminasi. Ini termasuklah dan tidak terhad kepada diskriminasi atas dasar jantina, kaum, agama, warganegara, asal etnik, kebangsaan, atau usia. Mana-mana individu yang berasa menjadi mangsa diskriminasi hendaklah memaklumkan kepada penyelia mereka dan seterusnya kepada Bahagian Talent Management (sekiranya perlu). Laporan juga boleh dibuat secara sulit melalui platform *Tell Us*.

Gangguan Seksual dan Buli

Kami komited untuk memastikan setiap individu dilayan dengan adil, penuh hormat, dan bermaruah. Sebarang bentuk penderaan, gangguan, ancaman, buli, penghinaan, atau tingkah laku yang tidak beretika, termasuk perlakuan berunsur seksual yang tidak wajar, sama ada oleh atau terhadap pekerja serta mana-mana pihak yang berkaitan dengan operasi kami. BFI tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau kelakuan yang tidak profesional.

BFI akan menyiasat aduan mengenai gangguan seksual atau buli dengan serius, dan ia akan diklasifikasikan sebagai salah laku serius dan berat di bawah Kod ini yang boleh mengakibatkan penamatan perkhidmatan serta-merta.

Pekerjaan Luar

Kakitangan yang menjalankan pekerjaan luar seperti pekerjaan sambilan, memiliki perniagaan sendiri, atau bekerja untuk organisasi lain dan menerima pendapatan daripada pekerjaan tersebut, perlu membuat pengisytiharan melalui borang Pengisytiharan **Konflik Kepentingan (Declaration of Conflict of Interest)**.

Sekiranya BFI mendapati pekerjaan luar tersebut berpotensi mengganggu prestasi kerja atau kemampuan memenuhi tuntutan BFI dari semasa ke semasa, kakitangan tersebut mungkin dikehendaki menghentikan pekerjaan luar jika ingin terus berkhidmat dengan BFI. Manakala, pekerjaan luar yang menimbulkan konflik kepentingan adalah dilarang. Kakitangan tidak boleh menerima sebarang bentuk pendapatan atau keuntungan material daripada individu luar BFI berkaitan dengan bahan yang dihasilkan atau perkhidmatan yang diberikan semasa individu berkenaan menjalankan tugas sebagai Rakan Perniagaan BFI. Sila rujuk kepada Garis Panduan Risiko Integriti Perniagaan (**Business Integrity Risk Guideline**).

BFI mengamalkan prinsip sifar toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah. Rasuah ditakrifkan sebagai perbuatan memberi atau menerima apa-apa bentuk keuntungan atau ganjaran, sama ada berupa wang tunai atau barangan bernilai tinggi, sebagai imbalan untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan skop pekerjaannya. Istilah bayaran “duit kopi” atau “suapan” juga adalah termasuk dalam klasifikasi rasuah menurut Akta Pencegahan Rasuah.

Sekiranya anda didapati terlibat dalam kegiatan ini, anda akan dikenakan siasatan disiplin mengikut prosedur dalaman BFI, dan tindakan yang boleh diambil termasuk pemberhentian perkhidmatan. BFI juga berhak untuk melaporkan sebarang penemuan yang berkaitan dengan kegiatan penyusunan atau rasuah kepada pihak berkuasa yang relevan. Semua kakitangan, termasuk ahli Lembaga Pengarah dan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan kepada BFI, diharapkan untuk mematuhi undang-undang anti-rasuah yang telah dikuatkuasakan serta Garis Panduan Risiko Integriti Perniagaan BFI, yang mungkin dikemas kini oleh BFI dari masa ke semasa.

Membenteras Rasuah



Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML)

Sesuai dengan perundangan Brunei dan peraturan antarabangsa, BFI menetapkan Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) dengan komitmen penuh untuk mencegah sebarang kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Oleh itu, seluruh pekerja dan Rakan Perniagaan harus:

- Melaksanakan proses pengenalan yang komprehensif dan mendalam terhadap pelanggan, pembekal, dan pihak ketiga untuk mengesahkan identiti serta entiti mereka.
- Melaporkan dengan segera setiap transaksi atau aktiviti yang mencurigakan dan berpotensi berkaitan dengan pengubahan wang haram.
- Memastikan bahawa semua pembayaran dan transaksi kewangan mematuhi sepenuhnya perundangan yang berkuatkuasa dan mempunyai dokumentasi yang lengkap dan tepat.
- Mengelakkan diri sepenuhnya daripada terlibat dalam urus niaga yang melibatkan sumber dana yang tidak sah atau yang melanggar persyaratan peraturan yang telah ditetapkan.

Kegagalan mematuhi Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) ini boleh mengakibatkan tindakan undang-undang yang serius, termasuk pendakwaan jenayah. BFI juga berhak untuk melaporkan pelanggaran yang disyaki kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Sekatan Ekonomi

BFI komited untuk mematuhi sepenuhnya peraturan sekatan antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pejabat Kawalan Aset Asing Amerika Syarikat (OFAC), serta Kesatuan Eropah (EU). Sebarang sekatan tempatan yang berkaitan juga hendaklah dipatuhi. Pekerja dan rakan kongsi perniagaan hendaklah:

- Menjalankan saringan terhadap semua transaksi dan rakan perniagaan untuk memastikan pemuatan terhadap senarai sekatan.
- Tidak melibatkan diri dalam sebarang bentuk urusan dengan individu, entiti, atau negara yang dikenakan sekatan, termasuk secara tidak langsung melalui pihak ketiga.
- Memastikan transaksi kewangan dan pembayaran mematuhi undang-undang sekatan dan tidak direka bentuk bagi tujuan mengelakan.

Segera melaporkan sebarang pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran sekatan kepada Jabatan Bahagian Perundangan BFI.



Hadiah dan Hospitaliti

- Hadiah dengan nilai melebihi BND\$50 hendaklah diisytiharkan dan didaftarkan dalam Borang Pengisytiharan Hadiah dan Manfaat (***Gifts and Benefits Declaration form***). Bagaimanapun, nilai yang kurang daripada itu masih perlu dilaporkan kepada penyelia anda.
- Menerima hadiah selain daripada perbelanjaan makanan atau bahan promosi (contohnya, diari, calendar dan sebagainya) adalah dilarang.
- Kakitangan adalah dilarang menerima hadiah semasa perundingan, pembidaan, atau pemberian kontrak.
- Borang Pengisytiharan Hadiah dan Manfaat (***Gifts and Benefits Declaration form***) hanya perlu diisi bagi hadiah yang diterima melebihi B\$50 (atau nilai mata wang asing yang sebanding).

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan, sila hubungi Bahagian Perundangan BFI.

Amalan Terbaik Dalam Berurusan Dengan Pegawai Kerajaan

Pemberian hadiah kepada pegawai kerajaan boleh menimbulkan konflik kepentingan, oleh itu, garis panduan yang lebih ketat perlu dipatuhi. Hadiah yang bersesuaian hanya boleh diberikan kepada pegawai kerajaan dalam konteks usaha yang sah untuk mempromosikan, menjelaskan, atau menunjukkan jenama, produk, atau perkhidmatan BFI.

Penipuan

Penipuan adalah sebarang tindakan disengajakan bagi memperoleh keuntungan yang tidak sah atau mengelak tanggungjawab, untuk diri sendiri, pihak lain atau syarikat. Ia dilakukan dengan niat, bukan secara tidak sengaja. Istilah “penipuan” merangkumi perbuatan berikut (namun tidak terhad kepada):

- Perbuatan menipu atau tidak jujur;
- Penyalahgunaan dana syarikat;
- Penggelapan kewangan;
- Pemalsuan dokumen kewangan seperti cek dan draf;
- Pencabulan hak milik syarikat dan rakan berkaitan;
- Penggunaan aset syarikat secara tidak sah;
- Transaksi tidak dibenarkan;
- Pemalsuan atau pengubahan rekod kewangan.

Sebarang kejadian yang melibatkan penipuan atau disyaki sebagai penipuan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak yang berkenaan melalui saluran yang telah ditetapkan.



Kad Kredit Korporat

Hanya individu yang diberi kuasa oleh BFI dibenarkan menggunakan Kad Kredit BFI untuk membuat pembayaran berkaitan urusan rasmi, selaras dengan Polisi Kad Kredit (Credit Crad Policy).

Kad ini hanya boleh digunakan bagi tujuan perbelanjaan perniagaan yang telah mendapat kelulusan,

Tiket penerbangan;
Penginapan berkaitan urusan rasmi;
Jamuhan atau pertemuan perniagaan;
Bayaran untuk program persidangan atau latihan;
Perbelanjaan lain yang telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Penggunaan kad untuk perbelanjaan bukan perniagaan atau tidak diluluskan adalah dilarang sama sekali, termasuk:

Pengeluaran tunai;
Minuman beralkohol;
erbelanjaan bersifat peribadi;
Caj hiburan hotel atau perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan urusan kerja.

Komitment Pematuhan Anti-Amanah

BFI komited untuk mematuhi sepenuhnya kehendak undang-undang dan peraturan anti-amanah antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh International Fertilizer Association. Selaras dengan komitmen ini, kakitangan BFI tidak dibenarkan untuk:

- Berkongsi maklumat berkaitan harga, terma jual beli atau kos dengan pesaing;
- Mendedahkan maklumat strategi pasaran, pengurusan bekalan atau permintaan yang boleh menjejaskan persaingan;
- Menandatangani sebarang perjanjian dengan pesaing berkenaan harga, bidaan, margin keuntungan, perbezaan harga, kenaikan harga, diskaun, elaun atau terma pembayaran. Ini termasuk perjanjian mengenai tahap pengeluaran, jualan, paras inventori, bahagian pasaran, pengagihan pelanggan atau wilayah, serta pengecualian mana-mana rakan perniagaan pada masa akan datang;
- Mendedahkan sebarang rancangan, strategi, atau pelaburan masa hadapan yang belum diumumkan secara rasmi.

Persaingan Adil

Semua urusan perniagaan BFI hendaklah dijalankan secara adil dan mengikut undang-undang yang berkaitan dengan persaingan. Bahagian Pengurusan Perbekalan (Supply Chain Management) dan semua Pemegang Kontrak hendaklah memastikan bahawa Rakan Perniagaan menjalankan perniagaan mereka dengan jujur, berintegriti dan adil, serta bersaing secara beretika mengikut perundangan yang ditetapkan.

Semua dilarang terlibat dalam sebarang bentuk pengaturan bidaan, manipulasi tender, atau pakatan untuk memboikot mana-mana Rakan Perniagaan, kecuali jika tindakan tersebut sejajar dengan sekatan antarabangsa yang berkuat kuasa.

Berurusan Dengan Rakan Niaga

Dalam memilih dan menguruskan Rakan Perniagaan, BFI bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjalankan perniagaan dengan BFI. Semua prosedur dan garis panduan yang berkaitan hendaklah dipatuhi tanpa pengecualian.

Pemilihan Rakan Perniagaan hendaklah berdasarkan kelayakan, tanpa sebarang pengaruh dari konflik kepentingan, pemberian hadiah atau hiburan yang tidak sesuai, atau sebarang bentuk pilih kasih

yang boleh menjejaskan proses pemilihan. Rakan Perniagaan BFI hendaklah memastikan bahawa mereka telah menjalankan pemeriksaan yang sewajarnya terhadap tatacara pekerjaan mereka serta pembekal mereka untuk mengelakkan amalan yang tidak beretika.

Rakan Perniagaan BFI juga mesti berjanji untuk mengambil tindakan dan melakukan siasatan yang diperlukan sekiranya mereka mengesan atau mengesyaki sebarang amalan yang tidak beretika dalam perniagaan mereka atau pembekal mereka.

Konflik Kepentingan

Sebagai warga BFI, kita bertanggungjawab mengekalkan integriti dalam setiap keputusan dan tindakan kita. Oleh itu, setiap pekerja perlu mengelakkan diri daripada apa-apa bentuk kepentingan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk membuat keputusan secara adil dan profesional.

Konflik kepentingan lazimnya berlaku apabila pekerja:

- Membekalkan atau memperoleh produk atau perkhidmatan daripada entiti yang mempunyai kaitan peribadi dengan pekerja, seperti ahli keluarga atau rakan;
- Menyertai aktiviti yang menuntut masa berlebihan sehingga menjejaskan keupayaan untuk menunaikan tanggungjawab kerja;
- Terlibat dalam aktiviti luar yang boleh memberikan persepsi negatif terhadap BFI.

Setiap individu bertanggungjawab mengenal pasti sebarang konflik atau kemungkinan konflik kepentingan dan melaporkannya kepada Bahagian Talent Management BFI atau Bahagian Perundangan BFI.

Perkhidmatan Komuniti

Sebagai organisasi yang percaya kepada tanggungjawab sosial korporat, BFI menggalakkan kakitangan untuk menyumbang secara aktif kepada komuniti masing-masing. Namun, semua aktiviti yang melibatkan komuniti mestilah sejajar dengan nilai teras syarikat serta tidak mengganggu komitmen profesional dan etika kerja.

Sekiranya terdapat sebarang kemungkinan konflik kepentingan, tindakan sewajarnya perlu diambil dengan melaporkannya kepada pihak pengurusan terlebih dahulu dengan penyelia / pengurus / Ketua / Bahagian Pengurusan BFI dengan serta-merta.

- Elakkan menggunakan sumber BFI seperti dana, maklumat atau aset tanpa kebenaran rasmi.
- Pastikan semua tindakan anda mematuhi undang-undang dan beretika setiap masa.



Pendedahan Awam

Setiap komunikasi awam mengenai BFI hendaklah disampaikan dengan integriti dan tepat. Jabatan Komunikasi Korporat ditugaskan untuk mengurus dan mengesahkan semua maklum balas kepada pertanyaan media secara tepat, cepat dan hanya melalui wakil yang diberi kuasa.

Sebarang kenyataan awam yang dikeluarkan bagi pihak BFI hendaklah dibuat oleh Bahagian Komunikasi Korporat dan/atau individu yang secara rasmi diberi kuasa.

Jika anda menerima sebarang pertanyaan media, sila jawab secara sopan dan arahkan pihak tersebut untuk merujuk kepada Bahagian Komunikasi Korporat.

Kod Pakaian

Setiap pekerja memainkan peranan penting dalam mencerminkan imej profesional BFI. Garis panduan Kod Pakaian BFI disediakan bagi memberikan panduan yang jelas mengenai pakaian yang sesuai dan selesa untuk dipakai semasa bekerja, menghadiri mesyuarat, atau menjalani lawatan kerja, sama ada di dalam atau di luar negara. Garis panduan ini sejajar dengan komitmen BFI terhadap tahap profesionalisme yang tinggi dalam setiap aspek operasi. Ila rujuk dokumen rasmi Kod Pakaian (Kod Dokumen: BFI/PG/HRD/23/2020) untuk panduan lengkap.

Bersuara Untuk Melaporkan

BFI komited membina budaya kerja yang telus dan terbuka. Kami menggalakkan semua individu, termasuk mereka yang tidak berkhidmat dengan BFI, untuk menyuarakan sebarang kebimbangan atau pertanyaan dengan yakin.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau isu yang ingin dibangkitkan, sila gunakan saluran berikut:

- Bercakap secara langsung atau menghantar e-mel kepada pengurus atau penyelia anda
- Menghubungi Bahagian Talent Management BFI
- Mengemukakan pertanyaan kepada Bahagian Perundangan BFI di legal@bfi.com.bn
- Menggunakan platform *Tell Us* di www.bfi.com.bn

BFI komited terhadap prinsip ketelusan dan perlindungan terhadap pelapor. Tiada tindakan disiplin atau negatif akan dikenakan terhadap sesiapa yang:

- Mengemukakan kebimbangan berlandaskan niat baik;
- Memberi sokongan kepada orang lain untuk bersuara; atau
- Bekerjasama dalam mana-mana penyiasatan dalaman.

Tindakan balas adalah dilarang sama sekali dan dianggap sebagai pelanggaran serius Kod Etika. Semua laporan tindakan balas akan ditangani secara sulit dan serius. Jangan biarkan rasa takut menghalang anda daripada melakukan perkara yang betul.

Tiada tolerasi terhadap tindakan balas.

Pengurusan Akibat dan Tindakan Perundangan

Pelanggaran terhadap peruntukan dalam Kod ini boleh mempunyai akibat yang serius, dan sesiapa yang melanggar Kod atau polisi BFI mungkin dikenakan tindakan disiplin, termasuk pemberhentian. Semua tindakan disiplin akan dilakukan mengikut prinsip keadilan, keseimbangan, dan mengikut prosedur tatatertib BFI.

Sekiranya pelanggaran tersebut melibatkan kesalahan undang-undang atau peraturan tempatan, atau BFI berhak untuk membuat tuntutan ganti rugi, individu tersebut boleh juga dikenakan tindakan undang-undang berupa pendakwaan sivil atau jenayah.

Sila gunakan ruang ini untuk mencatat sebarang nota penting yang berkaitan.

Sila gunakan ruang ini untuk mencatat sebarang nota penting yang berkaitan.

Making A Difference, With Bruneian Roots.

